

Cabaran Globalisasi Terhadap Guru-guru Sekolah Menengah di Malaysia: Perspektif Guru

Assoc Prof Dr Mohamad Johdi Salleh, johdi@ium.edu.my
International Islamic University Malaysia (IIUM), Kuala Lumpur

Abstrak

Kajian ini membincangkan cabaran-cabaran globalisasi terhadap guru-guru sekolah menengah di Malaysia berdasarkan persepsi guru. Responden terdiri daripada 600 orang guru terlatih pelbagai jantina, kaum, pengalaman mengajar, dan, lolaksi yang berkhidmat di Sekolah Menengah Kebangsaan di negeri Perak dan Selangor. Responden dipilih secara convenient sampling yang bertugas berhampiran dengan pengkaji, mudah memberi kerjasama dalam pelaksanaan kajian, dan, pengkaji-pengkaji pernah bertugas di sekolah-sekolah kajian. Respons daripada soalselidik dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 17.0 Windows yang dibentangkan dalam peratus. Dapatan kajian menunjukkan 77.7 peratus guru wanita bersetuju mereka 'tercabar dengan keadaan globalisasi pada masa kini' berbanding 74.3 peratus guru lelaki. Responden kaum India mencapai peratus tertinggi iaitu 100 peratus, diikuti oleh kaum Cina 87.2 peratus dan Melayu 71.9 peratus. Selanjutnya, 100 peratus responden berpengalaman 4 hingga 5 tahun mengajar bersetuju mereka tercabar dengan globalisasi. Manakala guru bertugas di luar bandar lebih tercabar dengan globalisasi mencapai 95.7 peratus bersetuju berbanding guru di bandar 51.8 peratus sahaja. Kajian ini diharap dapat memberi gambaran kepada pelbagai pihak dalam sektor pendidikan bagi mengatasi permasalahan yang wujud kesan daripada globalisasi yang sangat mencabar terutama guru-guru sekolah menengah. Setiap program yang dirancang dan dilaksanakan perlu mengambil kira aspek ini agar mencapai hasil lebih berjaya demi kecemerlangan dan keperkasaaan profesionalisme keguruan yang menjadi teras dan penggerak kelestarian pembangunan negara dalam merealisasikan Wawasan 2020 dan Pelan Pendidikan Malaysia 2013-2025 serentak menempa pancaroba globalisasi.

Kata Kunci : Cabaran Globalisasi – Guru-guru Sekolah Menengah

1.0 Pengenalan

Sektor pendidikan turut berhadapan dengan arus globalisasi yang mencetuskan pelbagai tribulasi kehidupan dunia tanpa sempadan. Terserlah bahawa cabaran globalisasi pendidikan lebih nyata dihadapi oleh guru di sekolah menengah yang bertanggung-jawab membina generasi penggerak dan pembela negara. Justeru guru perlu bersedia menangani pelbagai isu globalisasi yang melibatkan pihak pengurusan sekolah, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, konflik dalaman, disiplin pelajar, dan, tanggapan masyarakat. Cabaran ini semakin berat dengan bertambahnya amanah profesionalisme guru yang setiap masa, dekad dan era diangkat martabatnya demi merealisasikan pelan pembangunan negara terutama Wawasan 2020 dan Pelan Pendidikan Malaysia 2013-2025 serentak menyelusuri pancaroba globalisasi.

2.0 Tinjauan Literatur

Globalisasi merupakan satu proses untuk meletakkan dunia di bawah satu unit yang sama tanpa dibatasi oleh sempadan dan kedudukan geografi sesebuah negara atau *global village*. Melalui proses ini, dunia akhirnya tidak lagi mempunyai sempadan *boderless world* dengan ruang udara dan langit sesebuah negara itu terbuka luas atau *open sky policy* untuk dimasuki oleh pelbagai maklumat yang disalurkan menerusi pelbagai perantaraan media komunikasi seperti internet, media elektronik dan teknologi siber. Perkembangan ini memungkinkan perhubungan di antara sesebuah negara dengan negara yang lain dan perhubungan sesama manusia dapat dilakukan dalam tempoh yang singkat.

Menurut Kamus Dewan, globalisasi didefinisikan sebagai fenomena yang menjadikan dunia mengecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Ledakan teknologi maklumat yang pesat merupakan medium utama kepada agenda globalisasi ini. Pengaruh globalisasi menjangkau sempadan ekonomi, teknologi, bahasa, budaya, ideologi, politik dan dari segenap aspek kehidupan sesebuah masyarakat. Bidang pendidikan juga tidak terlepas dari terkena tempias globalisasi ini. Dunia mahu dijadikan suatu pentas kecil supaya mudah terjangkau dalam waktu yang singkat. Dunia juga perlu dikuasai tanpa kehadiran secara fizikal kuasa besar secara langsung cukup hanya dengan proksinya.

Globalisasi pendidikan merujuk kepada pendidikan yang merentas sempadan dan media. Dengan adanya Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), ilmu dapat diperoleh dengan tidak terbatas di bangku sekolah sahaja, tetapi dapat berlaku pada peringkat antarabangsa melalui internet. Perjanjian Perkhidmatan Pendidikan atau GATS (General Agreement on Trade and Services, 1999) yang telah ditandatangani oleh kebanyakan negara maju, bersetuju menghapuskan rintangan pendemokrasian pendidikan dan membuka peluang untuk pertukaran pakar pendidikan, penubuhan institusi pendidikan serta mengiktirafkan sijil-sijil dari semua peringkat persekolahan dan institusi pendidikan tinggi di antara negara-negara anggota.

Globalisasi menggalakkan penyelidikan untuk pengajaran dan pembelajaran dalam bidang metodologi, psikologi serta pengujian dan penilaian. Selain itu, globalisasi bukanlah membawa budaya homegeniti (kesamaan), tetapi menjana diversiti (kepelbagaian). Globalisasi membawa tekanan kepada guru supaya berubah dari stail pengajaran lama kepada yang baru, mengikut hasil dapatan penyelidikan yang terkini. Fungsi utama globalisasi pendidikan adalah untuk menghasilkan sumber-sumber yang diperlukan untuk pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat. Proses berterusan ini bertujuan meningkatkan tahap kemahiran dan pengalaman seseorang.

Proses globalisasi juga menjadikan nilai-nilai hidup manusia telah berubah. Contohnya dari segi kekeluargaan, kita dapati ikatan kekeluargaan semakin longgar kerana akar umbi kita telah terputus dan kita terpaksa menyemai nilai yang baru berdasarkan nilai-nilai yang berbeza (Azizan, 2003). Selain itu juga, masyarakat dilihat semakin kurang bersifat sebagai individu insan tetapi semakin bersifat sebagai haiwan sosial yang bertindak balas terhadap situasi luaran bukannya tindak balas dengan pemikiran yang terbuka (Osman, 2003). Globalisasi merisaukan sesetengah pihak tentang kemerosotan nilai akhlak dan moral manusia serta sistem agama dalam cara hidup dan kebudayaan yang diamalkan.

3.0 Penyataan Masalah

Impak globalisasi dan pengantarabangsaan pendidikan ketika ini sudah mulai difahami dan pelan tindakan telah pun digubal untuk menangani isu dan cabaran yang bakal timbul. Perubahan corak dalam pendidikan dalam masa terdekat akibat daripada globalisasi, pengantarabangsaan dan perubahan dalam teknologi maklumat dan komunikasi ini cukup mencabar bagi pendidikan di Malaysia. Dunia tanpa sempadan menyebabkan Malaysia menghadapi kemelutan sosial. Kebanjiran maklumat, akses yang mudah tentang keadaan dunia hiburan, layaran mudah bahan-bahan porno melalui Internet dan melayari alam siber yang menjadi trend masyarakat menyebabkan berlakunya gejala negatif di masyarakat kini. Perasaan kebimbangan terhadap generasi pelajar masa ini telah tercetus akibat fenomena negatif ini.

Globalisasi adalah suatu proses pensejagatan berasaskan hegemoni Barat dan kuasa besar terhadap dunia. Ia adalah pancaran dari puncak tamadun kebendaan Barat yang menjadikan alat teknologi dan komunikasi sebagai teras kepada penjajahan bentuk baru (Sidek Baba, 2003).

Perkembangan tersebut juga memberi kesan yang amat besar kepada sesetengah warga pendidik. Ini telah mendorong para perancang kurikulum Malaysia menyemak semula keberkesanan kurikulum sekolah untuk menghadapi pelbagai perubahan akibat pengaruh globalisasi tersebut. Penyemakan terhadap kekuatan dan kelemahan sistem pendidikan di Malaysia perlu dilakukan dari semasa ke semasa oleh perancang kurikulum untuk menyediakan warga guru dan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan tertentu bagi menghadapi daya saing persekitaran global yang semakin sengit dan mencabar.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru sekolah menengah di Malaysia dalam sistem pendidikan yang semakin terbuka implikasi daripada natijah globalisasi.

4.0 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah mengkaji persepsi guru terhadap cabaran- cabaran yang dialami oleh guru-guru sekolah menengah dalam era globalisasi. Analisis dapatan kajian dibincangkan berdasarkan jantina, kaum, pengalaman mengajar dan lokasi sekolah menengah di Malaysia.

5.0 Metodologi Kajian

Sample kajian melibatkan 600 orang responden yang dipilih secara rawak daripada guru-guru sekolah menengah di Semenanjung Malaysia. Mereka merupakan guru-guru yang berkhidmat di sekolah– sekolah menengah kebangsaan di negeri Selangor dan Perak. Responden dipilih secara convenient sampling yang bertugas berhampiran dengan pengkaji, mudah memberi kerjasama dalam pelaksanaan kajian, dan, pengkaji-pengkaji pernah bertugas di sekolah-sekolah kajian.

Respons daripada soalselidik dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 17.0 Windows yang dibentangkan dalam peratus.

6.0 Analisis Dapatan Kajian

Pada asasnya perbincangan respons terhadap item dalam kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu ‘setuju’ yang menggabungkan ‘SS- Setuju’ dan ‘SSS- Sangat Setuju’ manakala ‘tidak setuju’ adalah gabungan ‘TS- Tidak Setuju’ dan ‘STS- Sangat Tidak Setuju’. Walau bagaimanapun, sebahagian perbincangan respons dinyatakan secara khusus demi menampakkan signifikan dapatan.

6.1 Cabaran Era Globalisasi Terhadap Guru-guru Sekolah Menengah Mengikut Jantina.

Jadual 1 menunjukkan persepsi guru-guru terhadap cabaran era globalisasi yang dihadapi oleh guru-guru sekolah menengah mengikut jantina. Responden terdiri daripada guru lelaki sebanyak 117 orang dan guru wanita 483 dengan jumlah kesemuanya 600 orang.

Jadual 1 : Persepsi Guru Mengenai Cabaran Era Globalisasi Terhadap Guru-Guru Sekolah Menengah Mengikut Jantina (Lelaki = 117, Wanita = 483: N = 600)

Bil	Item	Jantina	STS	TS	SS	SSS
			1	2	3	4
1.	Adakah guru-guru merasa tercabar dengan keadaan globalisasi pada masa kini?	Lelaki	15.4	10.3	48.7	25.6
		Wanita	17.4	5.0	60.9	16.8
2.	Pelajar tidak peduli dengan masalah globalisasi	Lelaki	12.8	35.9	43.6	7.7
		Wanita	10.6	31.1	53.4	5.0
3.	Pentadbiran sekolah tidak perlu berubah seiring dengan perubahan zaman	Lelaki	43.6	23.1	30.8	2.6
		Wanita	29.8	43.5	24.2	2.5
4.	Masyarakat era globalisasi member tekanan kepada guru	Lelaki	10.3	23.1	38.5	28.2
		Wanita	6.8	23.6	52.8	16.8
5.	Cabaran guru hari ini lebih teruk dari sebelumnya	Lelaki	12.8	12.8	33.3	41.0
		Wanita	9.3	12.4	57.1	21.1
6.	Globalisasi merupakan punca utama masalah disiplin dikalangan pelajar	Lelaki	20.5	38.5	25.6	15.4
		Wanita	13.7	25.5	45.3	15.5
7.	Penggunaan computer dakam proses P&P membawa kepada pelajar-pelajar yang kurang berdisplin	Lelaki	15.4	35.9	38.5	10.3
		Wanita	13.7	34.8	44.7	6.8
8.	Guru tidak perlu pengetahuan terlalu mendalam tentang teknologi maklumat	Lelaki	25.6	46.2	17.9	10.3
		Wanita	37.9	44.1	12.4	5.6
9.	Guru sepatutnya tahu / arif tentang pengetahuan IT	Lelaki	10.3	15.4	25.6	48.7
		Wanita	4.3	11.8	44.7	39.1
10.	Pembangunan dalam IT tidak perlu dititik beratkan oleh guru.	Lelaki	35.9	30.8	15.4	17.9
		Wanita	36.0	45.3	14.3	4.3
11.	Bahasa inggeris adalah bahasa perantaraan dalam Globalisasi.	Lelaki	23.1	7.7	33.3	35.9
		Wanita	16.1	9.3	59	15.5
12.	Guru sepatutnya arif dalam Bahasa inggeris sebelum menguasai pengetahuan IT.	Lelaki	-	12.8	51.3	35.9
		Wanita	3.7	13.7	53.4	29.2
13.	Semua guru perlu menjalani kursus atau seminar dalam peningkatan Bahasa inggeris.	Lelaki	10.3	23.1	38.5	28.2
		Wanita	5.6	18.6	49.7	26.1
14.	Subjek IT sepatutnya diwajibkan disemua sekolah.	Lelaki	5.1	15.4	59.0	20.5
		Wanita	5.0	13.0	64.0	18.0
15.	Para pelajar hari ini lebih maju berbanding para guru dalam bidang pengetahuan teknologi maklumat.	Lelaki	12.8	20.5	41.0	25.6
		Wanita	5.6	25.5	52.8	16.1

16.	Guru-guru perlu menggunakan kaedah-kaedah yang terkini dalam P&P.	Lelaki	5.1	10.3	38.5	46.2
		Wanita	6.8	6.8	56.5	29.8
17.	Pihak sekolah mesti menyediakan satu set computer kepada setiap guru dalam setiap sekolah.	Lelaki	2.6	20.5	33.3	43.6
		Wanita	7.5	10.6	49.7	32.3
18.	Pihak sekolah harus menyediakan satu set computer di dalam setiap bilik darjah.	Lelaki	7.7	15.4	43.6	33.3
		Wanita	9.3	21.7	46.0	23.0
19.	PIBG harus bekerjasama menangani masalah globalisasi dalam pendidikan	Lelaki	10.3	7.7	30.8	51.3
		Wanita	5.0	11.8	56.5	26.7
20.	Nilai-nilai positif dalam era globalisasi tidak harus ditanam oleh lain-lain guru.	Lelaki	5.1	10.3	51.3	33.3
		Wanita	6.8	16.8	50.9	25.5

Jadual 1 di atas menunjukkan sebanyak 74.3% guru lelaki dan 77.7% guru wanita bersetuju bahawa mereka merasa tercabar dengan keadaan globalisasi pada masa kini (Item 1). Ini merupakan petanda penting terhadap cabaran globalisasi yang dirasai oleh lebih tiga-perempat guru lelaki dan guru wanita. Bagi item 2, sebanyak 51.3% guru lelaki dan 58.4% guru wanita bersetuju pelajar tidak peduli dengan masalah globalisasi ini, berkemungkinan mereka tidak memahami apa yang dimaksudkan dengan globalisasi walaupun sebenarnya telah merasai eranya.

Mengenai item 3 pula, sebanyak 66.7% guru lelaki tidak setuju dengan pentadbiran sekolah yang tidak perlu berubah seiring dengan perubahan zaman, manakala 73.3% guru wanita tidak setuju dengan kenyataan ini. Ini bererti lebih dua-pertiga guru lelaki dan wanita bersetuju supaya pentadbiran sekolah perlu berubah seiring dengan perubahan zaman globalisasi. Manakala item 4, kebanyakan guru lelaki iaitu 66.7% dan 69.6% guru wanita setuju masyarakat globalisasi memberi tekanan kepada guru terutamanya masyarakat yang berkaitan dengan sekolah iaitu pelajar-pelajar, kakitangan sekolah termasuk dalam kalangan guru juga.

Respons item 5 menunjukkan 74,3% guru lelaki dan 78.2% guru wanita bersetuju dengan kenyataan cabaran guru hari ini lebih teruk dari sebelumnya. Pada item 6, terdapat perbezaan pendapat antara guru lelaki dan guru wanita iaitu sebanyak 59.0% guru lelaki tidak setuju globalisasi merupakan punca utama masalah disiplin di kalangan pelajar, manakala 60.8% guru wanita setuju dengan pendapat ini.

Sebanyak 48.8% guru lelaki dan 48.5% guru wanita bersetuju dengan kenyataan dalam item 7 iaitu penggunaan komputer dalam proses P&P membawa kepada pelajar-pelajar yang kurang berdisiplin. Item 8 iaitu ‘Guru tidak perlu pengetahuan terlalu mendalam tentang teknologi maklumat’ memaparkan sebanyak 71.8% guru lelaki dan setinggi 82.0% guru wanita tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Bagi item 9, majoriti guru lelaki iaitu 74.3% dan 83.8% guru wanita masih setuju dengan mereka yang sepatutnya tahu tentang pengetahuan teknologi maklumat. Ini sangat penting untuk menambah pengetahuan guru agar dapat digunakan untuk menjalankan pelbagai aktiviti di dalam dan di luar sekolah. Respons item 10 memaparkan majoriti guru lelaki iaitu 66.7% dan setinggi 81.3% guru wanita masih tidak bersetuju dengan pernyataan ‘Penggunaan dalam teknologi maklumat tidak perlu dititikberatkan oleh guru’. Ini membuktikan majoriti guru-guru bersetuju untuk menitikberatkan penggunaan teknologi maklumat terutama dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Bagi item 11, kebanyakan guru lelaki iaitu 69.2% setuju dengan Bahasa Inggeris adalah bahasa perantaraan dalam globalisasi, manakala setinggi 74.5% guru wanita setuju dengan item ini. Ini merupakan kesedaran yang perlu ada pada guru terhadap kepentingan dan keupayaan bahasa Inggeris di era globalisasi yang lebih universal. Respons item 12 menunjukkan setinggi 87.2% guru lelaki dan 82.6% guru wanita setuju dengan bahawa guru sepatutnya arif dalam Bahasa Inggeris sebelum menguasai pengetahuan IT.

Respons item 13 menunjukkan sebanyak 66.7% guru lelaki dan setinggi 75.8% guru wanita setuju bahawa semua guru perlu menjalani kursus atau seminar dalam peningkatan Bahasa Inggeris. Manakala item 14 memaparkan respons tinggi iaitu 79.5% guru lelaki dan 82.5% guru wanita setuju dengan pernyataan bahawa subjek Teknologi Maklumat sepatutnya diwajibkan disemua sekolah. Ini menunjukkan keperihatinan yang tinggi dalam kalangan guru terhadap keperluan subjek IT untuk diajarkan di sekolah supaya semua pelajar memperoleh manfaat yang diperlukan dalam menghadapi era globalisasi.

Sebanyak 66.6% guru lelaki dan 68.9% guru wanita setuju dengan item 15 iaitu para pelajar hari ini lebih maju berbanding para guru dalam bidang pengetahuan teknologi maklumat. Fenomena ini berkemungkinan berlaku daripada faktor keluarga, kawan-kawan dan pengaruh persekitaran yang menimbulkan minat serta keterlibatan pelajar dalam penggunaan pelbagai teknologi maklumat. Manakala item 16 menunjukkan setinggi 84.7% guru lelaki dan 86.3% guru wanita setuju guru-guru perlu menggunakan kaedah-kaedah yang terkini dalam pengajaran dan pembelajaran. Kesedaran ini sangat baik demi mengemaskini kaedah pengajaran dan pembelajaran supaya lebih menarik dan efektif dalam mencapai objektif pendidikan termasuk Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang sangat memerlukan efisiensi teknologi maklumat.

Item 17 memaparkan 76.9% guru lelaki dan setinggi 82.0% guru wanita setuju supaya pihak sekolah mesti menyediakan satu set komputer kepada setiap guru dalam setiap sekolah. Ini tidak dapat dinafikan kerana keperluan penggunaan komputer dalam profesion perguruan sangat tinggi terutama di era globalisasi dalam dunia tanpa sempadan. Ini selaras dengan item 18 yang menunjukkan 76.9% guru lelaki dan 69.0% guru wanita setuju pihak sekolah harus menyediakan satu set komputer di dalam setiap bilik darjah. Ini akan meminimumkan bebanan guru untuk membawa komputer ke setiap bilik darjah dalam pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan penggunaan teknologi maklumat secara efektif.

Respons item 19 menunjukkan setinggi 82.1% guru lelaki dan 83.2% guru wanita setuju bahawa Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) harus bekerjasama menangani masalah globalisasi dalam pendidikan. PIBG harus membantu sekolah dalam menyediakan infrastruktur berkaitan teknologi maklumat supaya pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan demi kejayaan anak-anak mereka. Manakala item 20 mencatatkan setinggi 84.6% guru lelaki dan 76.4% guru wanita setuju nilai-nilai positif dalam era globalisasi tidak harus ditanam oleh lain-lain guru. Bererti hanya guru-guru tertentu sahaja seperti ustaz atau ustazah yang dipertanggung-jawabkan menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan dapatan di atas, jelas bahawa pihak pentadbir sekolah, guru-guru, ibu-bapa dan pelajar-pelajar perlu bekerjasama dan bertanggung jawab sepenuhnya dalam merealisasikan penggunaan teknologi maklumat secara efektif dalam pengurusan pendidikan serta pengajaran dan pembelajaran.

6.2 Cabaran Era Globalisasi Terhadap Guru-guru Sekolah Menengah Mengikut Kaum.

Jadual 2 di bawah memaparkan persepsi guru-guru terhadap cabaran era globalisasi mengikut kaum utama di Semenanjung Malaysia iaitu Melayu seramai 438 orang, Cina 117, dan, India 45.

Jadual 2: Persepsi Guru Mengenai Cabaran Era Globalisasi Terhadap Guru-Guru Sekolah Menengah Mengikut Kaum (Melayu = 438, Cina = 117, India = 45: N = 600)

Bil	Perkara	Kaum	STS	TS	SS	SSS
			1	2	3	4
1.	Adakah guru-guru merasa tercabar dengan keaddan globalisasi pada masa kini?	Melayu	20.5	7.5	49.3	22.6
		Cina	10.3	2.6	79.5	7.7
		India	-		100	
2.	Pelajar tidak peduli dengan masalah globalisasi	Melayu	12.3	28.1	53.4	6.2
		Cina	10.3	46.2	43.6	-
		India		30.8	53.8	15.4
3.	Pentadbiran sekolah tidak perlu berubah seiring dengan perubahan zaman	Melayu	33.6	33.6	30.8	2.1
		Cina	25.6	56.4	12.8	5.1
		India	38.5	53.8	7.7	
4.	Masyarakat era globalisasi member tekanan kepada guru	Melayu	9.6	21.2	46.6	22.6
		Cina	2.6	28.2	64.1	5.1
		India			38.5	23.1
5.	Cabaran guru hari ini lebih teruk dari sebelumnya	Melayu	12.3	15.8	48.6	23.3
		Cina	5.1	-	69.2	25.6
		India		15.4	46.2	38.5
6.	Globalisasi merupakan punca utama masalah disiplin dikalangan pelajar	Melayu	17.1	30.1	37.7	15.1
		Cina	10.3	20.5	53.8	15.4
		India	7.7	30.8	38.5	23.1
7.	Penggunaan computer dakam proses P&P membawa kepada pelajar-pelajar yang kurang berdisplin	Melayu	13.7	28.1	48.6	9.6
		Cina	17.9	51.3	30.8	-
		India	7.7	61.5	23.1	7.7
8.	Guru tidak perlu pengetahuan terlalu mendalam tentang teknologi maklumat	Melayu	40.4	37	15.8	6.8
		Cina	23.1	61.5	10.3	5.1
		India	15.4	76.9		7.7
9.	Guru sepatutnya tahu / arif tentang pengetahuan IT	Melayu	7.5	13	34.2	45.2
		Cina		10.3	66.7	23.1
		India		15.4	38.5	46.2
10.	Pembangunan dalam IT tidak perlu dititik beratkan oleh guru	Melayu	39	36.3	16.4	8.2
		Cina	28.2	56.4	12.8	2.6
		India	23.1	69.2		7.7
11.	Bahasa inggeris adalah bahasa perantaraan dalam Globalisasi	Melayu	21.9	9.6	51.4	17.1
		Cina	7.7	10.3	61.5	20.5
		India			61.5	38.5
12.	Guru sepatutnya arif dalam Bahasa	Melayu	3.4	15.1	49.2	32.2

	inggeris sebelum menguasai pengetahuan IT.	Cina	2.6	7.7	64.1	25.6
		India		15.4	61.5	23.1
13.	Semua guru perlu menjalani kursus atau seminar dalam peningkatan Bahasa inggeris.	Melayu	6.8	13.7	50	29.5
		Cina	5.1	43.6	35.9	15.4
		India	7.7	15.4	53.8	23.1
14.	Subjek IT sepatutnya diwajibkan disemua sekolah	Melayu	6.8	11	63.7	18.5
		Cina		25.6	61.5	12.8
		India		7.7	53.8	38.5
15.	Para pelajar hari ini lebih maju berbanding para guru dalam bidang pengetahuan teknologi maklumat.	Melayu	7.5	24	48.6	19.9
		Cina	7.7	17.9	64.1	10.3
		India		53.8	30.8	15.4
16.	Guru-guru perlu menggunakan kaedah-kaedah yang terkini dalam P&P	Melayu	8.9	8.9	49.3	32.9
		Cina		2.6	74.4	23.1
		India		7.7	38.5	53.8
17.	Pihak sekolah mesti menyediakan satu set computer kepada setiap guru dalam setiap sekolah	Melayu	8.9	11	44.5	35.6
		Cina		15.4	53.8	30.8
		India		23.1	46.2	30.8
18.	Pihak sekolah harus menyediakan satu set computer di dalam setiap bilik darjah	Melayu	10.3	18.5	47.3	24
		Cina	5.1	20.5	48.7	25.6
		India	7.7	46.2	23.1	23.1
19.	PIBG harus bekerjasama menangani masalah globalisasi dalam pendidikan	Melayu	7.5	11	46.6	34.9
		Cina	2.6	15.4	66.7	15.4
		India			61.5	38.5
20.	Nilai-nilai positif dalam era globalisasi tidak harus ditanam oleh lain-lain guru.	Melayu	8.9	11	47.3	32.9
		Cina		25.8	64.1	15.4
		India		46.2	53.8	

Berdasarkan Jadual 2 di atas, bagi item 1, berkaitan dengan persoalan adakah guru-guru merasa tercabar dengan keadaan globalisasi pada masa kini terjawab apabila semua kategori kaum mengatakan setuju dengan peratusan kaum Melayu (49.3%), Cina (79.5%), dan, tertinggi India (100%). Bahkan 22.6% kaum Melayu sangat setuju terhadap perkara ini. Item 2 pula menyebut tentang pelajar tidak peduli dengan masalah globalisasi dan hasil dapatan dari responden menunjukkan kaum Melayu 59.6% dan India 69.2% mengatakan setuju manakala kaum Cina dengan setinggi 56.5% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Bagi item 3 berkaitan pentadbiran sekolah tidak perlu berubah dengan perubahan zaman di mana semua kaum iaitu Melayu (67.2%), Cina (82.0%), dan, India (92.3%) menyatakan tidak setuju. Ini kerana semua pihak termasuk pihak pentadbiran sekolah perlu melakukan perubahan seiring dengan perubahan zaman. Item 4 pula, semua kaum menyatakan setuju bahawa masyarakat era globalisasi memberi tekanan kepada guru dengan kaum Melayu (69.2%), Cina (69.2%), dan, India (61.6%). Sebaliknya, sebanyak 38.5% kaum India tidak setuju dengan perkara ini.

Seterusnya, item 5 berkaitan dengan cabaran guru hari ini lebih teruk dari sebelumnya menunjukkan kesemua kategori kaum menyatakan setuju dengan peratusan kaum Melayu (71.9%), Cina (94.6%), dan, India (84.7%). Selain bidang pendidikan, guru perlu mahir dalam

penggunaan teknologi maklumat dalam P&P dan tidak lagi menggunakan kaedah pengajaran secara tradisional yang dianggap kurang relevan dan tidak efektif. Bagi Item 6, menyatakan globalisasi merupakan punca utama masalah disiplin dalam kalangan pelajar dan pernyataan ini turut dipersetujui oleh semua kaum dengan respons kaum Melayu sebanyak 52.8%, Cina 69.2%, dan, India 61.6%.

Selanjutnya item 7, menerangkan mengenai penggunaan komputer dalam P&P boleh membawa kepada pelajar-pelajar yang kurang berdisiplin di mana hanya kaum Melayu dengan respons 58.2% bersetuju, manakala kaum Cina dan India dengan kedua-duanya 69.2% menyatakan tidak setuju. Respons item 8, guru tidak perlu pengetahuan terlalu mendalam tentang teknologi maklumat. Hasil dapatan kajian menunjukkan kaum Melayu tidak bersetuju dengan peratusan 77.4% manakala kaum Cina, dan, India tidak setuju dengan peratusan lebih tinggi iaitu masing-masing 84.6%, dan, 92.3%. Mereka berpendapat guru sepatutnya tahu tentang penggunaan IT kerana bidang utama perkhuisan mereka adalah sebagai pendidik yang menjadikan teknologi maklumat untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Bagi item 9 pula, kaum Melayu mencatatkan peratusan setuju dengan 79.4%, manakala Cina dan India lebih tinggi masing-masing 89.8%, dan 84.7% menyatakan setuju berkaitan dengan guru sepatutnya arif tentang pengetahuan IT. Item 10 pula menyatakan pembangunan dalam IT tidak perlu dititik beratkan oleh guru. Hasil dapatan kajian mendapati 75.3% kaum Melayu tidak setuju, manakala kaum Cina 56.4%, dan, tertinggi ialah kaum India 92.3% menyatakan tidak setuju.

Seterusnya item 11 mempunyai perkaitan di mana Bahasa Inggeris adalah bahasa perantaraan dalam globalisasi dan guru sepatutnya arif dalam Bahasa Inggeris sebelum menguasai pengetahuan IT. Ini terbukti benar apabila hasil dapatan kajian mendapati semua kaum bersetuju dengan pernyataan tersebut iaitu kaum Melayu 68.5%, Cina 82.0%, dan, India tertinggi iaitu 100%. Respons item 12, menyatakan guru sepatutnya arif dalam Bahasa Inggeris sebelum menguasai pengetahuan IT dengan pencapaian setuju yang tinggi oleh setiap kaum iaitu Melayu 81.4%, Cina 89.7%, dan, India 84.6%.

Item 13 menyatakan semua guru perlu menjalani kursus atau seminar dalam peningkatan Bahasa Inggeris. Hasil kajian menunjukkan kaum Melayu 79.5%, dan, India 76.9% bersetuju manakala kaum Cina tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut dengan peratusan agak tinggi iaitu 48.7%. Seterusnya item 14 menerangkan mengenai subjek IT sepatutnya diwajibkan di semua sekolah dan ini dipersetujui oleh semua kategori kaum di mana kaum Melayu mencapai 82.2%, Cina 74.3%, dan, India 76.9%.

Respons item 15 mengenai para pelajar hari ini lebih maju berbanding para guru dalam bidang pengetahuan IT. Ini dipersetujui oleh kaum Melayu 68.5%, dan, Cina 74.4%. Manakala kaum India setinggi 53.8% tidak setuju dengan perkara ini. Item 16 pula menjelaskan tentang guru-guru perlu menggunakan kaedah-kaedah terkini dalam P&P. Hasil kajian mendapati sebanyak 82.2% kaum Melayu dan setinggi 97.5% kaum Cina bersetuju dengan pernyataan tersebut manakala kaum India sebanyak 38.5% setuju diikuti 53.0% sangat setuju.

Selanjutnya bagi item 17, pihak sekolah mesti menyediakan satu set komputer kepada setiap guru di setiap sekolah. Dapatan kajian menunjukkan semua guru pelbagai kaum bersetuju dengan pernyataan tersebut dengan kaum Melayu 80.1%, Cina 84.6%, dan, India 77.0%. Kemungkinan guru berpendapat dengan pemberian set computer tersebut akan memudahkan guru untuk menjalankan sesi P&P berbantuan komputer dengan keberkesanan lebih tinggi. Bagi

item 18 pula, sekolah harus menyediakan satu set computer dalam setiap bilik darjah. Ini dipersetujui oleh guru kaum Melayu 71.3% dan guru kaum Cina 74.3% manakala guru kaum India tidak setuju dengan pernyataan tersebut dengan peratusan 53.9%, iaitu melebihi lima puluh peratus.

Bagi item 19, semua guru pelbagai kaum menyatakan setuju dengan pencapaian Melayu 81.5%, Cina 82.1%, dan, India 100% mengenai pernyataan PIBG harus bekerjasama menangani masalah globalisasi dalam pendidikan. Respons terakhir iaitu item 20 menyatakan nilai-nilai positif dalam era globalisasi tidak harus dilupakan oleh guru di mana semua guru pelbagai kaum bersetuju dengan peratusan 80.2%, 79.5%, dan, 53.8% masing-masing bagi kaum Melayu, Cina, dan, India. Walaupun terdapat kesan negatif dalam era globalisasi namun kesan yang positif harus diterapkan oleh guru ke dalam minda pelajar secara lebih berkesan.

6.3 Cabaran Era Globalisasi Terhadap Guru-Guru Sekolah Menengah Mengikut Pengalaman Mengajar

Jadual 3 menunjukkan persepsi guru mengenai cabaran era globalisasi terhadap guru-guru sekolah menengah mengikut pengalaman mengajar.

Kajian di atas dilakukan terhadap 600 orang responden berdasarkan pengalaman mengajar. Seramai 186 orang guru mempunyai pengalaman mengajar selama 0 hingga 3 tahun, 99 orang guru mempunyai pengalaman mengajar selama 4 hingga 5 tahun, 174 orang guru berpengalaman mengajar selama 6 hingga 10 tahun dan paling senior adalah guru yang mengajar lebih 10 tahun seramai 141 orang.

Jadual 3: Persepsi Guru Mengenai Cabaran Era Globalisasi Terhadap Guru Mengikut Pengalaman Mengajar

(Pengalaman 0 – 3 thn = 186, 4 – 5 thn = 99, 6 – 10 thn = 174, lebih 10 thn = 141: N = 600)

Bil	Perkara	Pengalaman Mengajar	STS	TS	SS	SSS
1.	Adakah guru-guru merasa tercabar dengan keadaan globalisasi pada masa kini?	0-3 tahun	6.5	9.7	66.1	17.7
		4-5 tahun	-	-	75.8	24.2
		6-10 tahun	43.1	10.3	37.9	8.6
		Lebih 10 tahun	10.6	-	61.7	27.7
2.	Pelajar tidak peduli dengan masalah globalisasi	0-3 tahun	11.3	32.3	54.8	1.6
		4-5 tahun	3.0	60.6	33.3	3.0
		6-10 tahun	13.8	25.9	53.4	6.9
		Lebih 10 tahun	12.8	19.1	57.4	10.6
3.	Pentadbiran sekolah tidak perlu berubah seiring dengan perubahan zaman	0-3 tahun	24.2	40.3	30.6	4.8
		4-5 tahun	21.2	42.4	33.3	3.0
		6-10 tahun	36.2	37.9	24.1	1.7
		Lebih 10 tahun	46.8	38.3	14.9	-
4.	Masyarakat era globalisasi member I tekanan kepada guru	0-3 tahun	4.8	17.7	64.5	12.9
		4-5 tahun	00	30.3	45.5	24.2

		6-10 tahun	13.8	31	31	24.1
		Lebih 10 tahun	8.5	17.0	57.4	17.0
5.	Cabaran guru hari ini lebih teruk dari sebelumnya	0-3 tahun	4.8	9.7	62.9	22.6
		4-5 tahun	00	21.2	51.5	27.3
		6-10 tahun	24.1	12.1	41.4	22.4
		Lebih 10 tahun	6.4	10.6	53.2	29.8
6.	Globalisasi merupakan punca utama masalah disiplin dikalangan pelajar	0-3 tahun	12.9	21.0	45.2	21.0
		4-5 tahun	9.1	27.3	42.4	21.2
		6-10 tahun	22.4	32.8	31.0	13.8
		Lebih 10 tahun	12.8	31.9	48.9	6.4
7.	Penggunaan computer dakam proses P&P membawa kepada pelajar-pelajar yang kurang berdisplin	0-3 tahun	9.7	40.3	45.2	4.8
		4-5 tahun	3.0	45.5	45.5	6.1
		6-10 tahun	25.9	34.5	31.0	8.6
		Lebih 10 tahun	12.8	21.3	55.3	10.6
8.	Guru tidak perlu pengetahuan terlalu mendalam tentang teknologi maklumat	0-3 tahun	32.3	45.2	16.1	6.5
		4-5 tahun	27.3	42.4	24.2	6.1
		6-10 tahun	36.2	39.7	13.8	10.3
		Lebih 10 tahun	44.7	51.1	2.1	2.1
9.	Guru sepatutnya tahu / arif tentang pengetahuan IT	0-3 tahun	6.5	4.8	51.6	37.1
		4-5 tahun	-	6.1	51.5	42.4
		6-10 tahun	12.1	24.1	31.0	32.8
		Lebih 10 tahun	-	12.8	31.9	55.3
10	Pembangunan dalam IT tidak perlu dititik beratkan oleh guru.	0-3 tahun	32.2	48.4	14.5	4.8
		4-5 tahun	27.3	42.4	24.2	6.1
		6-10 tahun	44.8	32.8	12.1	10.3
		Lebih 10 tahun	36.2	46.8	10.6	6.4
11.	Bahasa inggeris adalah bahasa perantaraan dalam Globalisasi.	0-3 tahun	11.3	11.3	62.9	14.5
		4-5 tahun	9.1	6.1	63.6	21.2
		6-10 tahun	41.4	10.3	37.9	10.3
		Lebih 10 tahun	2.1	6.4	55.3	36.2
12	Guru sepatutnya arif dalam Bahasa inggeris sebelum menguasai pengetahuan IT.	0-3 tahun	-	17.7	69.4	12.9
		4-5 tahun	3.0	12.1	54.5	30.3
		6-10 tahun	6.9	15.5	51.7	25.9
		Lebih 10 tahun	2.1	6.4	31.9	59.6
13.	Semua guru perlu menjalani kursus	0-3 tahun	4.8	24.2	62.9	8.1

	atau seminar dalam peningkatan Bahasa inggeris.	4-5 tahun	3.0	12.1	60.6	24.2
		6-10 tahun	10.3	20.7	41.4	27.6
		Lebih 10 tahun	6.4	17.0	25.5	51.1
14.	Subjek IT sepatutnya diwajibkan disemua sekolah.	0-3 tahun	-	14.5	71.0	14.5
		4-5 tahun	9.1	6.1	69.7	15.2
		6-10 tahun	8.6	19.0	53.4	19.0
		Lebih 10 tahun	4.3	10.6	59.6	25.5
15.	Para pelajar hari ini lebih maju berbanding para guru dalam bidang pengetahuan teknologi maklumat.	0-3 tahun	6.5	11.3	61.3	21.0
		4-5 tahun	3.0	27.3	45.5	24.2
		6-10 tahun	12.1	29.3	44.8	13.8
		Lebih 10 tahun	4.3	34.0	46.8	14.9
16.	Guru-guru perlu menggunakan kaedah-kaedah yang terkini dalam P&P.	0-3 tahun	1.6	3.2	56.5	38.7
		4-5 tahun	3.0	9.1	60.6	27.3
		6-10 tahun	12.1	17.2	50	20.7
		Lebih 10 tahun	8.5	-	46.8	44.7
17.	Pihak sekolah mesti menyediakan satu set computer kepada setiap guru dalam setiap sekolah.	0-3 tahun	1.6	11.3	50.0	37.1
		4-5 tahun	-	15.2	51.5	33.3
		6-10 tahun	15.5	20.7	32.8	31.0
		Lebih 10 tahun	6.4	2.1	55.3	36.2
18.	Pihak sekolah harus menyediakan satu set computer di dalam setiap bilik darjah.	0-3 tahun	8.1	21.0	46.8	24.2
		4-5 tahun	3.0	6.1	63.6	27.3
		6-10 tahun	15.5	31.0	31.0	22.4
		Lebih 10 tahun	6.4	17.0	48.9	27.7
19.	PIBG harus bekerjasama menangani masalah globalisasi dalam pendidikan	0-3 tahun	4.8	6.5	62.9	25.8
		4-5 tahun	3.0	15.2	45.5	36.4
		6-10 tahun	8.6	19.0	46.6	25.9
		Lebih 10 tahun	6.4	4.3	46.8	42.6
20.	Nilai-nilai positif dalam era globalisasi tidak harus ditanam oleh lain-lain guru.	0-3 tahun	6.5	19.4	64.5	9.7
		4-5 tahun	3.0	9.1	69.7	18.2
		6-10 tahun	13.8	12.1	36.2	37.9
		Lebih 10 tahun	-	19.1	38.3	42.6

Berdasarkan Jadual 3 di atas, bagi item 1, berkaitan dengan persoalan adakah guru-guru merasa tercabar dengan keadaan globalisasi pada masa kini terjawab apabila semua kumpulan guru bersetuju dan kumpulan guru dengan pengalaman mengajar 4 hingga 5 tahun mencapai respons tertinggi iaitu 100%. Item 2 pula menyebut tentang pelajar tidak peduli dengan masalah

globalisasi dan hasil dapatan dari responden menunjukkan kategori guru dengan pengalaman mengajar yang sama, 4 hingga 5 tahun, tidak setuju tertinggi dengan 63.6%.

Seterusnya, item 3 berkaitan pentadbiran sekolah tidak perlu berubah dengan perubahan zaman menunjukkan kumpulan guru dengan pengalaman mengajar selama lebih 10 tahun sangat tidak setuju tertinggi dengan 85.1%. Ini kerana semua pihak termasuk pihak pentadbiran sekolah sememangnya melakukan perubahan seiring dengan perubahan zaman. Bagi item 4 pula, kumpulan guru yang berpengalaman mengajar selama 0 hingga 3 tahun bersetuju bahawa masyarakat era globalisasi memberi tekanan kepada guru.

Seterusnya, item 5 berkaitan dengan cabaran guru hari ini lebih teruk dari sebelumnya menunjukkan kumpulan guru dengan pengalaman mengajar 0 hingga 3 tahun menyatakan setuju tertinggi dengan respons 85.5%. Dalam bidang pendidikan, guru sedar kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan adalah penting dan tidak lagi menggunakan kaedah pengajaran secara tradisional yang dianggap sudah ketinggalan zaman.

Item 6 menyatakan globalisasi merupakan punca utama masalah disiplin dalam kalangan pelajar dan pernyataan ini turut dipersetujui oleh guru dengan pengalaman mengajar 0 hingga 3 tahun dengan respons tertinggi iaitu 66.2%. Namun demikian guru pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun tidak setuju tertinggi dengan respons 55.2%. Seterusnya item 7, menerangkan mengenai penggunaan komputer dalam P&P boleh membawa kepada pelajar-pelajar yang kurang berdisiplin oleh kumpulan pengalaman mengajar lebih 10 tahun iaitu 65.9%.

Seterusnya untuk item 8, guru tidak perlu pengetahuan terlalu mendalam tentang teknologi maklumat. Hasil dapatan kajian menunjukkan kumpulan guru yang mengajar lebih 10 tahun tidak bersetuju tertinggi dengan 95.8%. Ini membuktikan walaupun telah lama berkhidmat tetapi cabaran globalisasi tetap menjadi isu dalam pendidikan.

Bagi item 9 pula, kumpulan guru pengalaman mengajar 4 hingga 5 tahun bersetuju tertinggi dengan respons 93.9% terhadap pernyataan guru sepatutnya arif tentang pengetahuan IT. Item 10 pula menyatakan pembangunan dalam IT tidak perlu dititik beratkan oleh guru. Hasil kajian menunjukkan guru dengan pengalaman mengajar 10 tahun tidak setuju tertinggi dengan respons 83.0%. Ini merupakan petunjuk terbaik keperihatinan guru-guru yang lama mengajar terhadap kepentingan pembangunan IT yang menjadi pendorong kepada guru yang lebih junior.

Seterusnya item 11 dan 12 mempunyai perkaitan di mana Bahasa Inggeris adalah bahasa perantaraan dalam globalisasi dan guru sepatutnya arif dalam Bahasa Inggeris sebelum menguasai pengetahuan IT. Ini terbukti benar apabila hasil kajian mendapati guru berpengalaman lebih 10 tahun bersetuju tertinggi dengan respons 91.5% untuk item 11 dan 12. Ini kerana guru yang telah lama berkhidmat menyedari perkembangan globalisasi pendidikan seiring dengan keperluan kemahiran Bahasa Inggeris.

Bagi item 13 pula, semua guru perlu menjalani kursus atau seminar dalam peningkatan bahasa Inggeris. Hasil dapatan kajian menunjukkan kumpulan guru 4 hingga 5 tahun berkhidmat setuju dengan peratusan tertinggi 84.8%. Seterusnya item 14 menerangkan mengenai subjek IT sepatutnya diwajibkan di semua sekolah dan ini dipersetujui oleh kumpulan guru 0 hingga 3 tahun dengan 85.5% dan guru berpengalaman 10 tahun setuju 85.1%. Ini membuktikan bahasa Inggeris dan kemahiran IT semakin penting dan mendapat perhatian dari graduan perguruan senior dan junior masa kini.

Hasil kajian item 15, mengenai para pelajar hari ini lebih maju berbanding para guru dalam bidang pengetahuan IT. Ini dipersetujui oleh kumpulan guru dengan pengalaman mengajar selama 0 hingga 3 tahun dengan peratusan tertinggi iaitu 82.3%. Item 16 pula menjelaskan

tentang guru-guru perlu menggunakan kaedah-kaedah terkini dalam P&P. Hasil kajian mendapati peratusan tertinggi iaitu 91.5% dari kumpulan guru dengan pengalaman mengajar lebih 10 tahun.

Seterusnya bagi item 17, pihak sekolah mesti menyediakan satu set komputer kepada setiap guru di setiap sekolah. Hasil dapatan kajian menunjukkan guru yang berpengalaman lebih 10 tahun bersetuju dengan pereatusan tertinggi 91.5%. Guru berpendapat dengan pemberian set komputer tersebut akan memudahkan guru untuk menjalankan sesi P&P berbantuan komputer. Bagi item 18 pula, sekolah harus menyediakan satu set computer dalam setiap bilik darjah. Ini dipersetujui oleh guru dengan pengalaman mengajar selama 4 hingga 5 tahun dengan peratusan tertinggi ialah 90.0%.

Bagi item 19, guru yang berpengalaman 10 tahun bersetuju dengan peratusan tertinggi iaitu 89.4% bagi pernyataan PIBG harus bekerjasama menangani masalah globalisasi dalam pendidikan. Item yang terakhir sekali iaitu item 20 menyatakan nilai-nilai positif dalam era globalisasi tidak harus disemai dalam kalangan guru-guru lain dengan peratusan tertinggi ialah 87.9% dari kumpulan guru dengan pengalaman mengajar selama 4 hingga 5 tahun.

6.4 Cabaran Era Globalisasi Terhadap Guru-Guru Sekolah Menengah Mengikut Lokasi Sekolah

Jadual 4 menunjukkan persepsi guru mengenai cabaran era globalisasi terhadap guru-guru sekolah menengah mengikut lokasi sekolah iaitu bandar dan luar bandar.

Kajian di atas dijalankan ke atas 600 orang responden iaitu seramai 255 orang guru bertugas di sekolah bandar dan 345 orang guru di sekolah lokasi luar bandar.

Jadual 3: Persepsi Guru Mengenai Cabaran Era Globalisasi Terhadap Guru-Guru Sekolah Menengah Mengikut Lokasi Sekolah (Bandar - 255 orang, Luar Bandar – 345 orang; N = 600)

Bil	Item	Jantina	STS	TS	SS	SSS
			1	2	3	4
1.	Adakah guru-guru merasa tercabar dengan keadaan globalisasi pada masa kini?	Bandar	37.6	10.6	51.8	0
		Luar Bandar	1.7	2.6	63.5	32.2

Item 1, menunjukkan bahawa 51.8% guru yang mengajar di sekolah bandar merasa tercabar dengan keadaan globalisasi pada masa kini sedangkan 48.2% merasa sebaliknya. Item 1 juga mendapati setinggi 95.7% guru yang mengajar di sekolah luar bandar merasa tercabar dengan keadaan globalisasi pada masa kini manakala 4.3% merasa tidak tercabar.

Ini bererti guru-guru bertugas di luar bandar menghadapi cabaran globalisasi lebih besar berbanding guru-guru yang bertugas di bandar.

7.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil kajian ini menunjukkan suatu petanda penting terhadap cabaran globalisasi yang dirasakan oleh lebih tiga-perempat guru lelaki dan guru wanita yang bertugas di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Terbukti bahawa guru-guru sekolah menengah dari semua kaum utama di Semenanjung Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India sama-sama bersetuju

bahawa mereka tercabar dengan era globalisasi pada masa kini. Di samping itu, guru-guru junior yang bertugas kurang tiga tahun dan guru-guru senior yang bertugas melebihi sepuluh tahun sama-sama bersetuju bahawa mereka tercabar dengan era globalisasi dengan respons mengatasi lapan puluh peratus.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru bertugas di sekolah luar bandar jauh lebih tercabar dengan rakan sejawat mereka yang bertugas di bandar. Kemungkinan guru-guru di luar bandar menghadapi cabaran yang agak sama dengan di bandar tetapi di luar bandar infrastruktur adalah serba kekurangan. Ini termasuk dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berkesan di sekolah yang memerlukan penggunaan teknologi maklumat secara berterusan seperti pengendalian pentaksiran berasaskan sekolah dan bahan bantu mengajar berdasarkan teknologi maklumat.

Sehubungan dengan itu, semua pihak yang terlibat dengan perancangan, pengurusan, pengajaran dan pembelajaran di sekolah supaya lebih perihatin dan berusaha bersungguh-sungguh mengatasi segala masalah yang dihadapi masa kini. Langkah penyelesaian yang berkesan diharapkan dapat memacu sepenuh tenaga pencapaian objektif pendidikan negara dalam merealisasikan Pelan Induk Pendidikan Malaysia 2013–2025 yang martabatkan pendidikan Malaysia di peringkat global dan universal.

8.0 Rujukan

- Azizan Baharudin, (2003). “Sistem Nilai dalam Pembinaan Peradaban Malaysia”. Globalisasi dan Peradaban di Malaysia : Kumpulan Kertas Kerja. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Saad, (1990), *Perubahan Pendidikan di Malaysia Satu Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Bakar, (2003), “Globalisasi dan Peradaban”. Globalisasi dan Peradaban di Malaysia: Kumpulan Kertas Kerja. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidek Baba, (2003). “Globalisasi dan Cabaran Pendidikan Islam”. Memahami isu-isu Pendidikan Islam. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Yusof Al-Qardawi, (2001). *Islam dan Globalisasi Dunia*. (Terjemahan). Jakarta: Pustaka Al-Kauthar.